

AXCEL ACYCLOVIR CREAM

Acyclovir (5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Acyclovir Cream.
2. Bagaimana Axcel Acyclovir Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Acyclovir Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Acyclovir Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Acyclovir Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Acyclovir Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Acyclovir Cream

Axcel Acyclovir Cream digunakan bagi merawat jangkitan virus herpes simplex pada kulit (penyakit radang kulit) termasuk genital herpes (jangkitan kelamin) dan herpes labialis (jangkitan pada kawasan mulut).

Bagaimana Axcel Acyclovir Cream berfungsi

Axcel Acyclovir Cream digunakan untuk merawat jangkitan virus akibat daripada virus herpes simplex (jenis 1 dan 2) dan virus varicella-zoster.

Sebelum menggunakan Axcel Acyclovir Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Acyclovir jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada Acyclovir.
- Ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertaualiah kepada anda.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Axcel Acyclovir Cream

Sebelum anda mangguna Axcel Acyclovir Cream anda perlu

memaklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda mengandung atau menyusukan anak.
- Anda alergi pada ubat-ubatan.
- Anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda.
- Anda adalah individu yang sangat lemah sistem pertahanan.

Jika situasi di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor yang akan menentukan apa yang perlu dilakukan.

- Jika mengguna ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Probenecid

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Acyclovir Cream dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Acyclovir Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Arahan penggunaan:

- Untuk dewasa, kanak-kanak dan golongan berumur: sapu krim pada kawasan yang terkena jangkitan 5 hingga 6 kali sehari setiap 3 hingga 4 jam selama 5 atau 10 hari.
- Ia perlu disapu pada kawasan jangkitan secepat mungkin, semasa bermulanya jangkitan.

- Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengguna Axcel Acyclovir Cream.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu

dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terguna dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Acyclovir Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Acyclovir Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Acyclovir Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan sapu Axcel Acyclovir Cream pada membran mukus. Contohnya, di dalam mulut, mata atau vagina.

AXCEL ACYCLOVIR CREAM

Acyclovir (5% w/w)

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Acyclovir Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Rasa sengatan yang tidak tetap.
- Terbakar.
- Erythema or kekeringan ringan dan kulit berkuping.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Acyclovir Cream

– Penyimpanan

Jauhkan Axcel Acyclovir Cream daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25°C. Pastikan bekas ubat ditutup rapat dan lindungi dari cahaya.

– Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

– Rupa dan warna produk

Axcel Acyclovir Cream adalah krim berwarna putih dan krim larut air.

– Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Acyclovir.

Bahan Tidak Aktif:

Dehydag Wax “0”, Liquid Paraffin, Chlorocresol, Sodium Dihydroge Phospate Anhydrous, Cremophor A6, Cremophor A25, Propylene Glycol dan Purified Water.

– Nombor MAL

MAL19992587AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/11/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)311017/00299